

EMBARGO: Hanya boleh diterbitkan/disebarkan mulai jam **12:00 tengah hari, Selasa, 6 Disember 2022**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

STATISTIK BUMIPUTERA, 2022



STATISTIK BUMIPUTERA, 2022

Jumlah Penduduk Bumiputera,
2022*



PENDUDUK


Nisbah Jantina
Bumiputera,
2022*

102

Kadar Kesuburan
Jumlah
Bumiputera,
2021

2.1

Jangka Hayat Kelika Lahir Bumiputera,
2022*



KESIHATAN

Sebab
Kematian
Utama
Bumiputera
(Disahkan),
2021



COVID-19
Infection (due to)
17,654

Ischaemic Heart
Diseases



13,563



Pneumonia

10,914

Cerebrovascular
Diseases

6,905



Transport
Accidents

2,131

Diabetes
Mellitus



2,070


GUNA TENAGA

Tenaga Buruh Bumiputera, 2021




Kadar
Pengangguran
Bumiputera,
2021

5.0%



Kadar Penyerapan Tenaga
Buruh Siswazah Bumiputera,
2021



Lelaki
1.43 juta



Kadar Pengangguran
Siswazah Bumiputera, 2021



Perempuan
2.00 juta

Pindah Milik Harta Tanah Bumiputera, 2021



Kediaman

Bilangan Transaksi

106,276

Nilai Pindah Milik

RM30.827
billion



Komersial

Bilangan Transaksi

2,834

Nilai Pindah Milik

RM1.447
billion

HARTANAH

Sumber: Jabatan Pendaftaran Dan Pendaftaran Harta

Sumber: Statistik Bumiputera 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Penerbitan Statistik Bumiputera 2022 adalah julung kali diterbitkan kepada umum oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Penerbitan ini memaparkan statistik di peringkat nasional dan negeri bagi tahun 2015 hingga 2022. Penerbitan ini juga meliputi statistik dalam bidang sosial dan ekonomi.

Jumlah penduduk Bumiputera di Malaysia pada tahun 2022 dianggarkan 21.13 juta (Lelaki: 10.69 juta; Perempuan: 10.44 juta). Nisbah jantina Bumiputera bagi tahun 2021 pula adalah 102.

Kadar kesuburan jumlah bagi Bumiputera adalah pula adalah 2.1 pada tahun 2021. Manakala, jangka hayat Bumiputera ketika lahir mencatatkan 70.5 tahun bagi lelaki dan 74.7 tahun bagi perempuan.

Enam sebab utama kematian Bumiputera yang disahkan secara perubatan pada tahun 2021 ialah COVID-19 Infection (due to) (17,654), Ischaemic Heart Diseases (13,563), Pneumonia (10,914), Cerebrovascular Diseases (6,905), Transport Accidents (2,131) dan Diabetes Mellitus (2,070).

Bilangan tenaga buruh Bumiputera pada tahun 2021 mencatatkan 9.26 juta (Lelaki: 5.58 juta; Perempuan: 3.68 juta). Kadar penyertaan tenaga buruh Bumiputera pula mencatatkan 65.8% (Lelaki: 78.9%; Perempuan: 52.6%), manakala kadar pengangguran merekodkan 5.0% (Lelaki: 4.5%; Perempuan: 5.8%).

Bilangan siswazah Bumiputera pada tahun 2021 mencatatkan 3.36 juta (Lelaki: 1.63 juta; Perempuan: 2.00 juta). Kadar penyertaan tenaga buruh bagi siswazah Bumiputera ialah 88.5% bagi lelaki dan 81.9% bagi perempuan. Kadar pengangguran bagi siswazah Bumiputera lelaki dan perempuan pula masing-masing merekodkan 5.0% dan 4.3%.

Bagi pindahmilik harta tanah Bumiputera pada tahun 2021, harta tanah jenis kediaman mencatatkan bilangan transaksi 106,276 dengan nilai pindahmilik RM30.83 bilion. Manakala, harta tanah jenis komersial merekodkan 2,834 transaksi dengan nilai pindahmilik RM1.45 bilion.

Penerbitan ini boleh dimuat turun melalui Portal [eStatistik](#).

Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

#myHariBulan# #myBulan# #myTahun#

Pegawai dihubungi:

Baharudin Mohamad

Pegawai Perhubungan Awam

Bahagian Komunikasi Strategik dan Antarabangsa

Jabatan Perangkaan Malaysia

Tel : +603-8090 4681

Faks : +603-8888 9248

Emel : baharudin[at]dosm.gov.my

Hak Cipta ©2026 Portal Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia. Hak cipta terpelihara.